

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD
KAWASAN : TEMERLOH

SOALAN NO. 287

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan maklumat tentang status kontrak-kontrak penyenggaraan jalan dan cerun di seluruh Malaysia:

- i) prestasi kontraktor-kontraktor tersebut dan bilakah kontrak-kontrak konsesi ini akan akan tamat; dan
- ii) adakah konsesi-konsesi ini akan diteruskan dengan kontraktor sedia ada atau tender konsesi baru akan dibuka.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah melantik **enam (6) buah syarikat konsesi** yang bertanggungjawab melaksanakan **kerja-kerja penyenggaraan di Jalan Persekutuan** di seluruh Malaysia mengikut zon di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Senarai Syarikat Konsesi Penyenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Yang Dilantik Mengikut Zon			
1	Zon Tengah Timur (iaitu negeri Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan)		
	Syarikat	:	Roadcare (M) Sdn. Bhd.
	Tempoh Kontrak	:	April 2018 hingga 16 Februari 2026.
2	Zon Selatan (iaitu negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor)		
	Syarikat	:	Selia Selenggara Selatan Sdn. Bhd.
	Tempoh Kontrak	:	April 2018 hingga 16 Februari 2026.
3	Zon Utara (iaitu negeri Perak)		
	Syarikat	:	Belati Wangsa Sdn. Bhd.
	Tempoh Kontrak	:	April 2018 hingga 16 Februari 2026.
4	Zon Utara (iaitu Pulau Pinang, Kedah dan Perlis)		
	Syarikat	:	THB Maintenance Sdn. Bhd.
	Tempoh Kontrak	:	Ogos 2017 hingga 16 Ogos 2027.

SENARAI SYARIKAT KONSESI PENYENGGERAAN JALAN PERSEKUTUAN SABAH, SARAWAK DAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN YANG DILANTIK			
1	Negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan		
	Syarikat	:	Lintasan Resources Sdn. Bhd.
	Tempoh Kontrak	:	September 2018 hingga 31 Ogos 2028.
2	Negeri Sarawak		
	Syarikat	:	DAL HCM Sdn. Bhd.
	Tempoh Kontrak	:	September 2018 hingga 31 Ogos 2028.

Penilaian Prestasi syarikat konsesi yang dilantik di Semenanjung Malaysia dinilai oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia berdasarkan **Penarafan Bintang (*Star Rating*) yang dibuat sebanyak dua (2) kali setahun**. Keputusan *Star Rating* tahun 2018 hingga Jun 2020 adalah seperti berikut:

1	<i>Star Rating</i> tahun 2018		
	THB Maintenance Sdn. Bhd.	:	Cemerlang
	Belati Wangsa Sdn. Bhd.	:	Cemerlang
	Selia Selenggara Sdn. Bhd.	:	Baik
	Roadcare (M) Sdn. Bhd.	:	Baik

2	<i>Star Rating</i> tahun 2019		
	THB Maintenance Sdn. Bhd.	:	Cemerlang
	Belati Wangsa Sdn. Bhd.	:	Baik
	Selia Selenggara Sdn. Bhd.	:	Baik
	Roadcare (M) Sdn. Bhd.	:	Baik

3	<i>Star Rating</i> tahun 2020		
	THB Maintenance Sdn. Bhd.	:	Cemerlang
	Belati Wangsa Sdn. Bhd.	:	Baik
	Selia Selenggara Sdn. Bhd.	:	Cemerlang
	Roadcare (M) Sdn. Bhd.	:	Baik

Manakala bagi syarikat konsesi yang dilantik di Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak masih lagi dalam proses penilaian.

Bagi **penyenggaraan dan pembaikan cerun** di Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri **Semenanjung Malaysia**, Kerajaan telah melantik **Syarikat Pintas Utama Sdn. Bhd.** bagi tempoh (3) tahun dengan opsyen tempoh sambungan selama (2) tahun. Tempoh (3) tahun yang pertama bagi kontrak ini telah bermula pada 1 November 2017 dan akan berakhir pada 31 Oktober 2020. Tempoh kontrak tersebut telah diluluskan pelanjutan selama satu (1) tahun lagi iaitu

sehingga 31 Oktober 2021 oleh Kementerian Kewangan. Penilaian prestasi syarikat dibuat ke atas 3 aspek utama iaitu **teknikal, pengurusan dan pelaksanaan**. Satakat ini prestasi syarikat adalah di **tahap Sederhana**.

Manakala bagi **Sabah, Sarawak dan WP Labuan**, tiada kontrak khusus bagi kerja cerun di Jalan Persekutuan mahupun di Jalan Negeri pada masa ini. Kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan cerun dilaksanakan melalui perolehan secara Jabatan oleh pihak JKR Negeri sama ada secara kaedah tender atau sebut harga. Walau bagaimanapun, **kerja-kerja penyenggaraan dan pembaikan cerun** khususnya di **Jalan Persekutuan** diberikan kepada syarikat **konsesi penyenggaraan Jalan Persekutuan** di bawah skop kerja berkala bukan pavemen melalui **Arahan Kerja (AK)** sekiranya terdapat keperluan dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **sebarang cadangan untuk kontrak baharu penyenggaraan jalan dan cerun hanya boleh dipertimbangkan selepas berakhirnya kontrak sedia ada** dan adalah **tertakluk kepada keputusan dasar semasa Kerajaan serta kelulusan Kementerian Kewangan**.

Sekian, terima kasih.